


Bomba dedah formula keselamatan dan integriti kepada bakal jurutera muda



CENDERAHATI: Penyerahan cenderahati kepada wakil pegawai bomba iaitu PKPgB Runzee Thani oleh penasihat program Asmawan Mohd. Sarman.



RAKAM KENANGAN: Pegawai bomba merakamkan kenangan bersama peserta program.

U3 12-12-2019 17

KOTAKINABALU: Seramai 58 mahasiswa tahun akhir program HK01 Kejuruteraan Awam, Universiti Malaysia Sabah (UMS) diberi pendedahan mengenai 'Peranan Bomba di dalam Proses Kelulusan Pelan Pembangunan dan Bangunan serta Akta-Akta Berkaitan' di Fakulti Kejuruteraan, UMS pada 19 November 2019 bertempat di Bilik Seminar, Fakulti Kejuruteraan, UMS.

Program ini dianjurkan oleh mahasiswa tahun akhir melalui bimbingan pensyarah, Sr Asmawan sempena penerapan subjek Etika dan Undang-Undang dalam Kejuruteraan.

Seramai dua orang penceramah termasuk seorang

pegawai pengiring dari Jabatan Bomba dan Keselamatan Lintas, Sabah.

PgB Hussein HJ. Abdul, merangkap Ketua Cawangan Perakuan Pembangunan berkata bakal graduan sebaiknya didedahkan kepada asas-asas bahagian kebombaanan dan kaitan bahagian itu dalam kejuruteraan awam dan perancangan pembangunan.

PKPgB Runzee Thani, selaku wakil Cawangan Perakuan Pembangunan berkata secara realiti, jurutera profesional masih melakukan kesilapan dalam pelan pembangunan dan hal ini membuktikan kepentingan program ini dalam peringkat awal.

Melalui temuramah selepas

program itu, PgB Norfarizah Jemri iaitu Ketua Cawangan Kesedaran Awam menyuarakan rasa puas hati atas maklum balas mahasiswa yang hadir.

"Alhamdulillah, kedatangan kami pada hari ini diharapkan dapat membantu menyebarkan kesedaran awam terutama apabila majoriti peserta masih tidak cukup berpengetahuan atas peranan dan fungsi Jabatan Bomba dan Keselamatan selain memadam api," katanya.

Menurut Asmawan pula, aktiviti ini adalah penting untuk memberi gambaran awal terhadap generasi jurutera muda terhadap kepentingan dan pengetahuan tentang

peranan bomba dalam proses kelulusan bangunan.

Sementara itu, ketua program Epiphanie Thomas menyifatkan pengalaman yang diperolehi sangat berharga.

"Saya bersyukur kerana dapat didedahkan kepada panduan keselamatan bersama mahasiswa seperjuangan," katanya.

Program itu dilaksanakan dengan jayanya dan berjaya memberi input yang berguna kepada mahasiswa yang hadir.

Mahasiswa juga turut didedahkan mengenai keselamatan bangunan dalam perspektif Jabatan Bomba dan Keselamatan.